

# Berita Harian MALAYSIA

RABU, 26 APRIL, 1978

## Kadar pencapaian sektor swasta

DI BAWAH Rancangan Malaysia Ketiga sektor swasta diberi keutamaan yang tinggi, melebihi sektor awam sendiri, kerana peranannya yang penting dalam semua sektor ekonomi. Banyak matlamat pembangunan sosio-ekonomi RMT bergantung kepadanya.

Kerana pelaburan sektor awam dirancang bertambah dengan kadar 6.2% sahaja setahun, keupayaan perkembangan ekonomi masa depan banyak bergantung kepada paras pelaburan sektor swasta, yang dirancang bertambah dengan kadar 10% setahun.

Tetapi, seperti kata Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad kelmarin, sektor swasta masih tidak dapat memenuhi peranannya yang dirancang oleh Kerajaan — sejak merdeka hingga sekarang. Pertumbuhan pelaburan hanya bertambah dengan kadar 4% bagi tahun 1976 dan kira-kira 8% tahun lalu berbanding dengan matlamatnya 10%. Satu sebabnya ialah sikap berhati-hati para pelabur berikutan dengan kemerosotan kegiatan perdagangan sepanjang tahun 1975. Tetapi sebab lain yang lebih utama ialah keraguan umum di luar dan dalam negeri mengenai peluang-peluang pelaburan. Matlamat sebenar Dasar Ekonomi Baru telah disalahertikan dan dijadikan isu oleh setengah pihak untuk meneruskan suasana pelaburan.

Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah membaiki keadaan ini. Akta Penyelarasan Perindustrian telah dipinda tahun lalu, dan kepada Kongres Ekonomi Rakyat Malaysia Keturunan Cina baru-baru ini Dr. Mahathir menekankan lagi tidaklah wajar Kerajaan mengadakan syarat-syarat yang menyekat perluasan perdagangan dan perindustrian. Tibalah masanya kini sektor swasta menerima kenyataan dan memalinkan peranan mereka.